

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (JEREBU LANDA MALAYSIA)

TARIKH: 12 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 08

Rompin catat IPU sangat tidak sihat

FOTO: HSN JAS PAHANG



Penguatkuasa JAS dan bomba sedang membuat pemantauan di kawasan kebakaran Kampung Gading Rompin.

KUANTAN - Rompin mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) pada tahap sangat tidak sihat mencecah bacaan 227 semalam.

Daerah tersebut menjadi satu-satunya kawasan berada dalam kedudukan IPU sangat tidak sihat manakala 20 lagi kawasan dalam negara mencatat bacaan tidak sihat melebihi paras 100.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang, Mohd Sani Mat Daud berkata, bacaan IPU di Rompin agak membimbangkan tetapi sehingga jam 12 tengah hari sudah berlaku sedikit penurunan.

Menurutnya, keadaan itu disebabkan kebakaran belukar seluas kira-kira dua hektar di Kampung Gading berhampiran stesen pemantauan udara.

"Kita juga yakin keadaan cuaca membantu kepada trend penurunan ini. Kebakaran kecil secara terbuka dan kebakaran hutan gambut di Sembayan juga antara penyumbang kenaikan bacaan tersebut sebelum ini," katanya.

Mohd Sani berkata, di daerah-daerah lain, IPU dicatatkan masih di bawah paras selamat.

"Kebakaran hutan yang berlaku di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia masih menyebabkan jerebu merentas sempadan serta memberi kesan kepada peningkatan bacaan IPU di negara ini," katanya.

Jelasnya, JAS meningkatkan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka.